

**TEKS UCAPAN DATO SERI DR. SITI HASMAH BT HJ MOHD ALI  
SEKOLAH KEBANGSAAN PUTRAJAYA (2), PRESINT 9, PUTRAJAYA  
PERASMIAN HARI ANUGERAH CEMERLANG 2002  
06 NOVEMBER 2002**

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan tahniah dan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Hari Anugerah Cemerlang Sekolah Kebangsaan Putrajaya (2) kerana berjaya melaksanakan Hari Anugerah pada hari ini dan memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikannya.

2. Dalam mendokong usaha Malaysia mencapai wawasan 2020, Sekolah Bestari seperti Sekolah Kebangsaan Putrajaya (2) ini telah dibina, dengan harapan akan melahirkan warganegara yang celik teknologi, berfikiran kritis dan kreatif serta mampu menyumbang ke arah pembangunan global Malaysia pada abad ke-21. Kementerian Pendidikan juga telah melaksanakan pelbagai dasar untuk mempertingkatkan mutu pendidikan di Malaysia. Justeru itu dasar penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran sains dan matematik diperkenalkan bukanlah bertujuan untuk mempertingkatkan mutu Bahasa Inggeris rakyat Malaysia sebaliknya ia bertujuan untuk melahirkan para ilmuwan, cendekiawan dan pakar-pakar dalam bidang teknologi, sains, matematik dan sebagainya yang sekarang dikuasai oleh negara-negara maju.

3. Dengan adanya pendedahan dan pendidikan dari peringkat rendah ini, diharap murid-murid akan dapat dan mudah menguasai ilmu-ilmu berkaitan dengan lebih mendalam dan akhirnya menjadi pakar dalam bidang sains dan teknologi. Para Pelajar boleh mendapat ilmu dan maklumat terus daripada buku-buku yang dikaji, tanpa mengharap penterjemah bahasa kerana kebanyakan maklumat dan buku-buku rujukan sains, matematik dan teknologi adalah dalam Bahasa Inggeris. Ilmu yang diperolehi adalah lebih cepat dan tepat.

4. Bagi memastikan perlaksanaan ini berjaya dasar tersebut dilaksanakan kepada murid-murid Tahun Satu dan pelajar-pelajar Tingkatan Satu sebagai perintis. Guru-guru yang terlibat sebagai tenaga pengajar diberi pendedahan dan kursus di samping menerima sebuah laptop yang mempunyai skrin dan nota untuk membantu pengajaran guru. Guru-guru juga diberi peruntukan elaun bagi menggalakkan guru-guru tersebut mempertingkatkan pengetahuan dalam bidang berkaitan.

5. Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab Sekolah Kebangsaan Putrajaya (2) ini dan seluruh sekolah-sekolah di Malaysia agar sama-sama merealisasikan hasrat negara dengan melahirkan ramai pakar-pakar dan para cendekiawan.

6. Harapan saya ialah semoga semua pihak akan memberi komitmen dan sokongan kepada dasar pendidikan yang akan dilaksanakan ini. Semoga negara Malaysia akan mampu melahirkan pakar-pakar dalam bidang teknologi dan sains tanpa mengharap bantuan tenaga pakar asing.

7. Bersama harapan ini saya dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, merasmikan Majlis Hari Anugerah Cemerlang Sekolah Kebangsaan Putrajaya (2) pada hari ini.

Sekian, Wabilahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.